



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

PENGUATKUASAAN BERSEPADU TERHADAP KILANG KITAR SEMULA SISA PLASTIK DI SUNGAI PETANI, KEDAH

6 Februari 2020, SUNGAI PETANI – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus komited menjalankan penguatkuasaan bersepadu secara berterusan terhadap kilang kitar semula sisa plastik haram dalam memastikan Malaysia tidak menjadi tempat lambakan sisa plastik dan mencegah pencemaran yang berpunca dari kilang plastik haram.

MESTECC melalui JAS Negeri Kedah telah menerajui operasi bersepadu bersama 8 agensi iaitu Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Syarikat Air Darul Aman (SADA) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP). Setiap agensi telah menjalankan tugas mengikut bidang kuasa masing-masing.

Operasi penguatkuasaan ini dilaksanakan dengan kekuatan 70 orang anggota dari pelbagai agensi yang terlibat terhadap kilang kitar semula

sisa plastik haram di Sungai Petani yang beroperasi tanpa kelulusan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) di bawah seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Sehingga bulan Januari 2020, sebanyak 405 buah kilang kitar semula sisa plastik telah diperiksa di seluruh negara dan sebanyak 182 buah kilang beroperasi secara haram. Tindakan penguatkuasaan telah diambil dengan menutup atau menahan operasi sebanyak 228 buah kilang dan denda sebanyak **RM2.323 juta** telah dikeluarkan.

Di Negeri Kedah, sehingga 5 Februari 2020, sebanyak 36 buah kilang telah diperiksa dan 28 buah kilang didapati beroperasi secara haram. Kompaun berjumlah RM150,000 telah dikeluarkan, 18 buah premis telah ditutup dan 9 buah premis dikenakan tindakan tahan operasi.

Sejak bulan Julai 2018, beberapa siri operasi bersepadu di Negeri Selangor dan Negeri Sembilan turut disertai oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri MESTECC. Penguatkuasaan akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan operasi kilang kitar semula plastik ini mematuhi peraturan yang ditetapkan.

MESTECC mengucapkan terima kasih atas kerjasama erat Kerajaan Negeri Kedah termasuk Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK) dan agensi-agensi persekutuan dan negeri yang banyak membantu dalam membanteras kewujudan kilang-kilang haram dan isu-isu alam sekitar yang lain.

Tamat.

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Encik Norazizi Adinan
Pengarah JAS Kedah – 047332832 | naa@doe.gov.my

Encik Sharudin Rosli
Pegawai Perhubungan Awam - 0388712371 | sharudin@doe.gov.my